

Cuti sekolah punca harga naik

Kosmo 13/6/2011 MS 3

KUALA LUMPUR – Permintaan tinggi terhadap daging ayam dan ikan pada musim cuti sekolah selain sikap tamak sesetengah peniaga didakwa punca utama kenaikan harga bahan makanan itu antara RM1 sehingga RM2 sekilogram sejak dua minggu lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Johari Baharum berkata, musim cuti sekolah memang sering menjadi pendorong kenaikan harga bahan makanan tersebut selain sikap sesetengah peniaga yang cuba mengaut untung berlebihan.

Kata beliau, kesannya harga ayam di ladang naik daripada RM4.90 pada awal minggu lalu kepada RM5.30 pada Jumaat lepas dan seterusnya mendorong penetapan harga lebih mahal di peringkat peruncit.


“FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) akan memastikan harga serta bekalan bahan makanan ini di pasar-pasar tani dipantau dan dikawal,” ujarnya ketika dihubungi di sini semalam.

Tambah beliau, sebanyak 450 buah pasar tani di seluruh negara akan digerakkan untuk menambah bekalan makanan segar.

Mengenai kenaikan harga ikan, Johari mengakui terdapat sedikit kenaikan harga beberapa jenis ikan di pasar-pasar awam.

“Sebagai contoh, ikan kembung gred A naik daripada RM9 sekilogram kepada RM10, ikan selar (RM10 kepada RM11) dan ikan tongkol daripada RM5.50 kepada RM6.50,” jelasnya.

Johari berkata, berdasarkan analisis di beberapa kompleks pendaratan ikan, bekalan ikan terjejas sedikit akibat faktor cuaca yang tidak menentu selain permintaan tinggi pada musim cuti sekolah.



PENJUAL ayam, Mohd. Zamhor di Pasar Sungai Besi, Kuala Lumpur mendakwa terpaksa menaikkan harga ayam beberapa kali sejak dua minggu lalu akibat stok mahal daripada pemborong.

Tinjauan *Kosmo!* di beberapa pasar utama di ibu kota semalam mendapati harga sekilogram ayam naik daripada RM7 kepada RM8.80 sekilogram sehingga mencetuskan rasa tidak senang hati dalam kalangan pengguna khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Penjual ayam di pasar Sungai Besi, Mohd. Zamhor Mohd. Ghaus, 41, mengakui dia sendiri tertekan apabila pemborong menaikkan

harga sejak dua minggu lalu.

Katanya, sepanjang minggu lalu sahaja harga ayam naik sebanyak tiga kali yang kesemuanya berjumlah 90 sen.

Akibatnya, Mohd. Zamhor terpaksa menjual ayam pada harga RM8.80 sekilogram.

Penjual ayam di Pasar Pudu, Ahmad Shah Zumini, 47, menyalahkan pemborong yang menaikkan harga sesuka hati menyebabkan jualan mereka terjejas.

Dia yang menjual ayam pada harga RM8 sekilogram mendakwa pembekal memberi alasan bekalan ayam kurang ditambah permintaan yang tinggi pada musim cuti sekolah menyebabkan harga naik mendadak.

“Kami juga tertekan, mahu jual tinggi sangat nanti pengguna tidak mahu beli dan jual murah pula tidak dapat menampung kos dan kami pula rugi,” ujarnya.

Dalam tinjauan yang sama semalam, harga ikan segar turut naik antara 20 hingga 50 sen sekilogram ekoran kenaikan harga minyak diesel.

Penjual ikan, Jamil Anang, 56, memberitahu, kenaikan melibatkan semua jenis ikan, antaranya ikan kembung besar dijual pada harga RM7 sekilogram berbanding RM6.50 kelmarin manakala ikan kembung kecil naik RM1 kepada RM4.

“Bekalan ikan makin kurang dalam tempoh dua tiga hari ini, mungkin pasal ada nelayan mogok sampai banyak ikan seperti selar, selayang dan sotong tidak ada,” katanya.

Penjual ikan di Pasar Sungai Besi, Ishak Shaari, 50, pula memberitahu, harga ikan segar dijangka terus naik selagi mogok nelayan laut dalam tidak selesai.

INFO Harga ayam, ikan setiap kilogram

Barang	Mei 2011	Semalam
Ayam	RM7-RM7.80	RM8-RM8.80
Kembung (besar)	RM6.50	RM7-RM9
Kembung (kecil)	RM3	RM4
Sardin	RM4-RM8	RM6-RM8
Cencaru	RM4-RM8	RM5-RM8
Tongkol	RM4	RM5-RM8
Pelaling	RM4	RM4
Bawal putih	RM10	RM10
Bawal hitam	RM15	RM18-RM20
Selar kuning	RM9	RM9
Siakap	RM18	RM24

Sumber: Pasar sekitar Kuala Lumpur

